

30/07/2001

Ombak ikrar tentang keganasan

Nor Affizar Ibrahim

KEGANASAN - Membuta, membisu atau membantu! Kempen sulung Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, 'Organisasi Wanita Membanteras Keganasan' atau singkatannya, Ombak yang dilancarkan baru-baru ini mampu mewakili suara lantang wanita Malaysia bagi menentang keganasan.

Sewajarnya, kempen itu dilaksanakan kerana sejak kebelakangan keganasan semakin serius dalam masyarakat di negara ini. Keganasan juga boleh dianggap barah masyarakat jika tidak diawasi dan ditangani segera.

Hampir setiap hari masyarakat dikejutkan dengan satu persatu kes keganasan seperti mencabul kehormatan wanita, gangguan seksual, sumbang mahram, rogol, liwat dan pembunuhan kejam serta terkutuk.

Audrey Melissa, Nor Suzialy, Nursyuhadah Burak, Rafeeza Razali, Wong Lay Yee, Farah Deeba Rustam, Norliza Sotorus, Mohd Farris Hailzwan, Nurul Hanis Kamis dan ramai lagi wanita, kanak-kanak serta lelaki; antara mangsa jenayah paling kejam di negara ini, akibat perbuatan ganas manusia yang bertopengkan haiwan.

Menurut statistik polis, 2,413 kes keganasan terhadap isteri dan 1,217 kes rogol dilaporkan pada 2000. Jumlah itu bukan saja menggerunkan tetapi turut menggambarkan keruntuhan nilai masyarakat Malaysia.

Amat memalukan dan menggusarkan apabila Malaysia yang terkenal di seluruh dunia sebagai negara stabil, selamat, aman dan makmur serta mempunyai masyarakat berbudaya, beradab, penyayang dan saling menghormati, digemparkan dengan pelbagai kes keganasan.

Yang menyedihkan, keganasan bukan saja berakhir dengan tragedi mengerikan dan memilukan tetapi menghancurkan segala impian, khususnya keluarga yang ditimpa musibah yang tidak diduga itu.

Jika masyarakat tidak berusaha menyekat keganasan yang berlaku dalam masyarakat dan terus membiarkannya menguasai kehidupan generasi muda, lama-kelamaan ia menghancurkan rakyat negara ini.

Kempen Ombak yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stesen Sentral Kuala Lumpur dan disaksikan ratusan masyarakat pelbagai lapisan, diharap menjadi landasan meningkatkan kesedaran awam, khususnya wanita mengenai isu keganasan yang berlaku dalam masyarakat.

Kempen itu juga mampu menggariskan tindakan yang boleh diambil mangsa dan individu yang prihatin bagi membantu membanteras keganasan.

Walaupun kita tidak berupaya menghapuskan keganasan, setidak-tidaknya kita berusaha mengurangkannya. Masyarakat harus sedar, sikap mendiamkan diri adalah kesilapan yang tidak harus dibiarkan.

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Shahrizat Abdul Jalil berkata, kempen membanteras keganasan itu mengambil kira jenayah terhadap keluarga merangkumi wanita, kanak-kanak dan lelaki.

Bagaimanapun, agenda kempen Membanteras Keganasan Terhadap Wanita dan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Mengenai Keganasan Terhadap Wanita yang ditubuhkan pada tahun lalu terus menjadi jentera utama Ombak.

"Kami juga prihatin apa yang berlaku pada kanak-kanak dan lelaki. Kami percaya, wanita mampu dan membuat perubahan kerana mereka bukan saja menjadi pusat kekuatan pada keluarga, masyarakat dan negara tetapi seluruh dunia.

"Kementerian tidak tergamak untuk hanya mempertahankan kepentingan wanita dan membiarkan anak serta bapa disembelih dan ditetak hingga mati menjadi mangsa keganasan tanpa mendapat pembelaan yang sama," katanya.

Beliau berkata, wanita tidak rela keganasan menjadi adab dan cara hidup

di negara ini. Sehubungan itu, kempen Ombak adalah suara lantang wanita Malaysia menentang keganasan.

Katanya, ia adalah contoh wanita di negara ini mengambil langkah positif menentang segala keganasan, terutama terhadap golongan Hawa.

Shahrizat berkata, kempen Ombak dilaksanakan menggunakan pelbagai cara bagi mencapai keberkesanan menyeluruh. Maklumat mengenai kempen itu disebarkan selama tiga bulan melalui iklan di televisyen, akhbar, radio, poster serta risalah maklumat.

"Melalui Jawatankuasa Penyelaras Hawa (Hal Ehwal Wanita) di setiap negeri, ahli akan bergerak hingga ke akar umbi bagi memberi pendidikan dan kesedaran mengenai tanggungjawab wanita sebagai ibu, isteri dan anak dalam membanteras keganasan," katanya.

Selain itu, Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN) memasukkan satu bab tambahan mengenai keganasan dalam program keibubapaan. Kempen itu juga akan mengetengahkan tanggungjawab penting bapa dalam membantu ibu mendidik anak dengan nilai murni serta akhlak mulia dan seterusnya menjamin pembangunan generasi muda berkualiti.

Masyarakat juga boleh mengambil bahagian dalam kempen ini dengan mendaftarkan nama sebagai sukarelawan menerusi laman wb kepen www.wave.gov.my atau www.ombak.gov.my.